

U.M. 20.3.2007 MS-10

Sekolah Kluster: Melonjakkan



Melonjakkan Kualiti Pendidikan



Sekolah kluster bebas membangunkan kokurikulum sehingga mencapai standard antarabangsa. – gambar hiasan

MALAYSIA ingin melahirkan generasi muda yang mampu meneruskan kelangsungan kemerdekaan negara dengan kedaulatannya yang teguh walaupun menghadapi cabaran dunia tanpa sempadan.

Malaysia juga mahu proses pendidikan kita mampu menjana generasi muda sebagai peneraju perubahan yang melonjakkan pembangunan negara ke arah mencapai hasrat negara maju pada tahun 2020.

Justeru, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang dilancarkan pada bulan Januari 2007 yang lalu mengutarakan satu langkah inovatif dalam melonjakkan kualiti pendidikan negara.

Inisiatif itu ialah mewujudkan Sekolah Kluster.

Sekolah Kluster ialah satu jenama yang diberi kepada sekolah yang dikenal pasti cemerlang dalam klusternya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid.

Pewujudan Sekolah Kluster bertujuan melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia dan membangun sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah dalam kluster yang sama dan sekolah lain di luar klusternya.

Dalam usaha melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan ini sepanjang tempoh RMKe-9, Kementerian Pelajaran Malaysia akan menumpukan perhatian kepada kluster sekolah yang berikut:

i. Sekolah Rendah yang terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)



Bersama KPPM

■ **DATUK
DR. AHAMAD
SIPON**

ii. Sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Harian, Sekolah Premier, Sekolah Seratus Tahun, sekolah dalam persekitaran Putrajaya dan Cyberjaya, dan Sekolah Model Khas.

iii. Sekolah Rendah Pendidikan Khas (SPK) dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK), dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV).

iv. Sekolah Antarabangsa dan Sekolah Swasta

v. Institusi lepas menengah seperti Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru (IPG)
(PIPP, 2006, ms. 119 dan 121)

Menurut Menteri Pelajaran, sebanyak 300 buah sekolah yang menyerlah dan cemerlang akan diangkat sebagai sekolah kluster dalam masa terdekat sebelum diperluaskan ke Institusi Perguruan dan Kolej Matrikulasi (*Utusan Malaysia*, 15 Mac 2007).

Sekolah terpilih ini akan mencerminkan iklim persekolahan yang ceria, selamat dan bersih, pengajaran dan pembelajaran berkualiti, amalan pengurusan berkesan, dan kemenjadian murid yang cemerlang.

Kecemerlangan murid ini dilihat bukan hanya dari sudut pencapaian akademik dan kegiatan kokurikulum, bahkan dalam aspek pembangunan sahsiah mereka. Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Pelajaran dengan menyatakan sekolah kluster akan memberi penekanan kepada pembinaan unsur "*leadership, teamwork, creativity, patriotism, global mindedness and competitive spirit*" dalam diri murid (*New Straits Times*, 15 Mac 2007).

Dalam keadaan ini, kelompok sekolah ini nanti akan mampu menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti pendidikan dalam kalangan klusternya dan sekolah lain di dalam dan luar negara.

Keunggulan sekolah kluster ini juga akan dipapar menerusi bidang khusus (*niche area*) masing-masing.

Sekolah yang terpilih akan memberi fokus kepada satu bidang khusus yang ingin dibangunkan atau dilonjakkan statusnya hingga ke peringkat antarabangsa.

Kementerian Pelajaran bersedia mempertimbangkan permohonan sekolah untuk menyediakan prasarana dan mendapatkan jurulatih ternama dalam menjayakan misi ini.

Sekolah yang mampu memikulkan tanggungjawab ini dikenal pasti menerusi saringan pemilihan yang teliti dan telus. Tarikh 30 Mac 2007 merupakan tarikh bersejarah di mana 30 buah sekolah akan dinobatkan sebagai sekolah

kluster.

Penamaan sekolah ini akan pasti mendorong sekolah lain untuk turut bersaing mendapat tempat dalam kelompok sekolah cemerlang ini.

Setiap sekolah berpeluang untuk menjadi sekolah kluster dan pemilihan sekolah adalah berdasarkan kepada permohonan.

Terdapat dua elemen yang akan diberi perhatian iaitu elemen utama yang merangkumi kurikulum, kokurikulum, dan kemenjadian murid serta elemen sokongan yang merangkumi pengurusan sekolah, ketrampilan guru, kepimpinan pengetua, pengurusan kewangan, iklim sekolah, program intervensi, pengurusan asrama, prasarana, penglibatan ibu bapa dan masyarakat setempat, nilai sejarah dan keunikan sejarah sekolah.

Pihak Jemaah Nazir Sekolah akan memeriksa pencapaian sekolah tersebut untuk memastikan sekolah berkenaan layak untuk dipilih sebagai sekolah kluster.

Kementerian Pelajaran menggariskan tiga kriteria utama yang perlu dipenuhi oleh sesebuah sekolah sebelum sekolah tersebut layak memohon menjadi sekolah kluster. Tiga kriteria itu adalah kecemerlangan kurikulum dan kokurikulum, sahsiah para pelajarnya dan kemantapan pengurusan sekolah itu sendiri.

Bagi sekolah yang terpilih, fokus akan diberikan terhadap perkara berikut:

- i. Memastikan kepimpinan teguh dan berkesan
- ii. Pemilihan guru dan jurulatih berkebolehan dan berkemahiran tinggi

iii. Memberi autonomi terpinpin kepada sekolah

iv. Mewujudkan sistem akauntabiliti

v. Mewujudkan piawaian dan penanda aras yang dijadikan contoh kepada Negara membangun dan maju

vi. Menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan

vii. Merintis perubahan dan pembaharuan.

Dalam usaha meningkatkan keupayaan sekolah, *stakeholder* yang terdiri daripada alumni sekolah, PIBG, pentadbir sekolah, dan guru-guru mencadangkan pemberian autonomi kepada sekolah akan meliputi aspek pemilihan pengetua dan pihak pengurusan, pemilihan tenaga pengajar, pelantikan staf sokongan tanpa mengikut norma perjawatan biasa, pemilihan pelajar, pewujudan kelas khas yang bersesuaian, penawaran kurikulum yang bersesuaian termasuk menawarkan mata pelajaran di luar sistem kebangsaan, perolehan bahan pengajaran, serta penjanaaan dan pengurusan kewangan. (Resolusi Bèngkel Autonomi Sekolah Kluster, 19-20 Mac 2007)

Kementerian Pelajaran akan merintis pendekatan bagi menjayakan pelaksanaan sekolah kluster ini.

Rangka kerja pelaksanaan yang jelas akan dihasilkan berdasarkan aspek dasar dan perundangan, prosedur dan garis panduan, standard dan penanda aras, penilaian dan pemantauan berdasarkan Indeks Prestasi Utama (KPI), dan fungsi serta peranan pihak luar.

Langkah melaksanakan konsep sekolah kluster diharapkan dapat membantu negara memacu kualiti pendidikan ke arah bertaraf dunia.